

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK (RPP)

Date:

Pelanggan yang dihormati,

Risalah Pendedahan Produk (RPP) ini menyediakan maklumat penting Bil Pungutan Masuk-i (BPM-i) anda. Pelanggan lain telah membaca RPP ini dan mendapati ia bermanfaat, **anda juga harus membacanya.**

1 APAKAH ITU BIL PUNGUTAN MASUK-i (BPM-i)

Bil Pungutan Masuk-i (BPM-i) adalah perkhidmatan yang disediakan oleh Bank Muamalat Malaysia Berhad ("the Bank") bagi pengendalian dokumen import yang diterima daripada bank penjual/pengeksporth. Ia digunakan oleh pengimport/pembeli sebagai salah satu kaedah utama penyelesaian perdagangan antarabangsa, selain daripada Surat Kredit-i, dan bertujuan untuk membantu pungutan pembayaran bagi transaksi perdagangan yang dijalankan di bawah kaedah pungutan sebagai kaedah pembayaran.

Kontrak Syariah yang digunakan ialah Wakalah. BMMB bertindak sebagai ejen bagi pihak pengimport/pembeli. Penjual akan menghantar barangan dan mengemukakan dokumen, bil pertukaran, invoice dan lain-lain kepada bank untuk tujuan pungutan. Pungutan ini disertai arahan kepada bank tentang cara dokumen hendak dikendalikan.

Bagi BPM-i, Bank bertindak sebagai Bank Pemungut. Bank Pemungut akan menyerahkan dokumen kepada pengimport setelah penerimaan bayaran dan memindahkan hasil kutipan kepada bank pengeksporth untuk pembayaran kepada pengeksporth. Jika dokumen diserahkan atas dasar penerimaan, Bank Pemungut akan menyerahkan dokumen kepada pengimport setelah bil pertukaran diterima secara diterima-pakai. Pembayaran hanya akan dibuat oleh pengimport apabila bil tersebut matang. BMMB akan menerima ujud sebagai bayaran perkhidmatan Wakalah yang diberikan.

2 KETAHUI TANGGUNGJAWAB ANDA

Tanggungjawab

Perniagaan/Syarikat anda perlu membuat bayaran penuh daripada jumlah yang dinyatakan dengan fi dan caj seperti yang terdapat dalam Pembiayaan Perdagangan yang berkaitan.

Ciri-Ciri Produk

Bawah BPM-i, dokumen dan pembayaran diproses oleh Bank dan tertakluk kepada Peraturan Seragam bagi Kutipan (Uniform Rules for Collections), No. Penerbitan ICC 522 (URC 522). Bayaran dibuat apabila dokumen dikeluarkan atau diterima, dan pengimport akan dapat jaminan bahawa barangan telah dihantar atau telah tiba. Faedah-faedah adalah seperti berikut:

- Senang dan tidak mahal
- Kawalan barangan
- Kedua-dua pihak tahu masing-masing boleh dipercayai
- Tiada ragu-ragu akan kesanggupan pembeli untuk membuat bayaran

Anda bertanggungjawab untuk:



Baca dan fahami **terma-terma utama** dalam kontrak sebelum anda menandatangani.



Bayar kewajipan anda dengan sewajarnya untuk mengelakkan sebarang kesukaran dalam urusan niaga pada masa akan datang. Hubungi kami sekiranya timbul sebarang pertikaian.



Segera hubungi kami jika anda mengalami sebarang isu dalam menggunakan produk ini.

| Fi dan Caj | Amaun |
|------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Setem Hasil | Mengikut Akta Setem 1949 (Semakan 1989), tertakluk kepada apa-apa pengecualian duti setem atau arahan peremitan. |
| Bil Pungutan Masuk | Sila rujuk laman sesawang BMMB Pembiayaan Dagangan - Bank Muamalat Malaysia Berhad untuk butiran komisen, fi pengecualian dan lain-lain caj terpakai. |
| Lain-lain | |
| -Mel -Cable/SWIFT | |

- Sila rujuk laman sesawang kami di www.muamalat.com.my untuk maklumat lanjut berkenaan yuran dan caj.
- Bagi pengguna kewangan termasuk pelanggan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) ["SME"], pihak Bank akan memaklumkan kepada anda sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum tarikh perlaksanaan berkuatkuasa sekiranya terdapat sebarang perubahan di dalam yuran dan caj yang dikenakan ke atas produk ini.
- Fi dan caj adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan (8%) yang dikenakan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 (sebagaimana yang dipinda), jika berkenaan.

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK (RPP)

Date:

3 KETAHUI RISIKO ANDA

4 TERMA UTAMA LAIN

Apa yang akan berlaku sekiranya anda gagal memenuhi tanggungjawab anda?

- a) BMMB tidak akan keluarkan dokumen sekiranya anda tidak membuat bayaran atau tidak terima bil pertukaran.
- b) Tindakan undang-undang akan diambil terhadap anda sekiranya anda gagal memberi maklum balas terhadap notis peringatan mengenai tunggakan pembayaran anda.
- c) Tindakan undang-undang terhadap anda boleh menjejaskan penarafan kredit anda, menyebabkan kemudahan kredit menjadi lebih sukar atau mahal untuk diperolehi.
- d) Hak untuk tolak-selesai: BMMB berhak untuk menolak-selesai sebarang jumlah tertunggak dalam akaun pembiayaan ini daripada mana-mana baki kredit dalam akaun anda yang diselenggara dengan BMMB. BMMB akan memaklumkan kepada anda sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalendar terlebih dahulu.

- a) BPM-i adalah perkhidmatan pungutan dokumen. Anda mungkin terdedah kepada Tindakan undang-undang oleh pihak benefisiari jika tidak mematuhi terma dan syarat kontrak.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan Bil Pungutan Masuk-i (BPM-i), anda boleh:



Hubungi kami di:
03-26005500



Layari kami di:
[Bil Pungutan Masuk-i \(BPM-i\)](#)



E-mel kami melalui:
feedback@muamalat.com.my

Perakuan Pelanggan*

Pastikan anda mengisi sendiri bahagian ini dan mengetahui tujuan anda menurunkan tandatangan.

- Saya mengakui BMMB telah memberikan kepada saya salinan RPP.
- Saya telah membaca dan memahami maklumat penting yang terkandung dalam RPP ini.

**Perakuan Pelanggan ke atas RPP ini tidak akan menjejaskan haknya untuk mendapatkan ganti rugi jika berlaku pertikaian seterusnya mengenai terma dan syarat produk*

Nama:
Tarikh:

Maklumat yang diberikan di dalam risalah pendedahan produk ini adalah sah berkuatkuasa: **1 Januari 2026**